

Onn tidak gentar berdepan risiko

Semangat perjuangan pengasas Umno perlu jadi iktibar pemimpin sekarang

Oleh Jamhariah Jaafar

SEJARAH asas yang diajar di bangku sekolah hanya menyebut pengasas Umno, Allahyarham Datuk Onn Jaafar sebagai antara pejuang Melayu paling penting dalam menentang kewujudan Malayan Union, yang menjadi titik tolak kepada penerimaan kumpulan pendatang sebagai warga Persekutuan Tanah Melayu bersandarkan Perlembagaan yang memang mengambil kira kepentingan dan kedudukan semua kaum di Malaysia.

Jika sesiapa yang hadir di Persidangan Kebangsaan Mengenai Datuk Onn Jaafar, hanya dengan niat untuk sekadar memenuhi ruang dewan besar dan dingin Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor yang baru siap, pasti akan dikejutkan bukan saja dengan pengkisahan yang mengimbau sejarah perjuangan negarawan ini ke arah kemerdekaan, bahkan turut membabitkan nilai dan semangat jati sebagai rakyat Malaysia yang semakin lupus di sanubari generasi muda hari ini.

Kegagalan pemimpin politik terutama golongan muda, pelajar institusi pengajian tinggi dan anak muda yang hanya pandai bercakap mengenai perjuangan bangsa, untuk hadir di persidangan yang menyingkap akar umbi perjuangan Onn dan temannya ke arah memerdekakan Tanah Melayu daripada belunggu penjajahan British, amat merugikan kerana gelanggang ini adalah antara yang terbaik untuk menjelaskan kemelut jati diri yang terus menghantui seluruh rakyat Malaysia pelbagai kaum hari ini.

Cerita mengenai perjuangan Onn yang sukar difahami - daripada mengasas Umno untuk umat Melayu kepada tindakan keluar Umno kerana kecewa cadangannya untuk memasukkan kaum lain ke dalam Umno ditolak - terjawab apabila sejarah kehidupannya sejak lahir dibicarakan sendiri anaknya, Left Jen (B) Datuk Jaafar Onn.

Pengkisahan yang mengasyikkan semua yang hadir, tidak cukup dalam tempoh dua jam, malah ia boleh dibincang dan diperdebat sepanjang 1001 malam, seperti buku cerita Parsi yang pernah diterjemah pejuang bangsa ini apabila dia tidak mempunyai sebarang pekerjaan ketika dalam buangan di Singapura antara 1930 - 1938.

Rakyat marhain negara ini yang tidak peka dengan sejarah bangsa seperti penulis, terpegun mendengar cerita 'kebuasan' Onn

sejak kecil, pengembaraannya ke England sejak berusia sembilan tahun, pekerjaan setakat kerani walaupun mendapat pendidikan tinggi.

Peserta disingsingkan dengan sikap Onn yang tidak gentar berhadapan risiko. Dia tidak bimbang untuk berubah daripada satu pekerjaan kepada pekerjaan lain kerana tidak puas hati, menyuarakan perasaan tidak puas hati mengenai sikap sultan sehingga keluarga menerima tekanan hebat dan pernah dibuang negeri dan akhirnya, apabila usia semakin matang, menggunakan strategi lebih berdiplomasi untuk mencapai matlamat bagi membantu menangani nasib bangsanya yang merempat di negara sendiri.

Sebenarnya, persepsi mudah dan kurang pengetahuan mengenai pejuang bangsa daripada kumpulan bangsawan yang dianggap sentiasa beroleh kemewahan, apalagi dengan mempunyai bapa yang berkuasa di Johor, sebenarnya boleh memalukan diri sendiri sekiranya perjuangan Datuk Onn ini diulas hanya secara umum.

Daripada pelbagai isu dan konflik yang wujud mengenai Onn, kepetchatan Dr Oong Hak Chiang yang pernah menjadi pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berbicara mengenai Onn dan isu masyarakat Cina dalam pembinaan negara bangsa, membuka mata mengenai pandangan jauh pengasas Umno itu mengenai hubungan penting Melayu dan pelbagai kaum yang ketika itu hanya kumpulan pendatang, sekiranya Tanah Melayu ingin memerdekakan diri dari British.

"Memang benar Datuk Onn dengan sokongan padu daripada masyarakat Melayu berjaya mempertahankan konsep Tanah Melayu sebagai tanah air orang Melayu, mempertahankan kedaulatan Raja dan kedudukan istimewa Bumiputera.

"Tetapi Datuk Onn tidak mengabaikan kepentingan masyarakat Cina dan bukan Melayu yang lain. Beliau menyedari bahawa masyarakat Cina dan bukan Melayu lain perlu diberi peluang lebih luas dalam kehidupan politik Melayu, di samping mengharapkan sokongan mereka dalam usaha memajukan ekonomi masyarakat Melayu.

"Datuk Onn memang prihatin terhadap isu masyarakat Cina dan masalah perpaduan kaum dalam perjuangan bagi mewujudkan sebuah negara bangsa yang merdeka dan dapat diterima oleh semua penduduk-

nya," katanya ketika membentangkan keratan kerja pada sidang dialog yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Ghani Othman.

Umum tahu, bahawa Onn berusaha untuk membuka keahlian Umno kepada semua kaum. Satu tindakan yang menerima tentangan hebat dari seluruh ahli Umno sehingga dia terpaksa meninggalkan Umno.

Ramai menganggap tindakan Onn yang tidak konsisten dalam memperjuangkan bangsa Melayu, dan 'pengkhianat' apabila mencadang Umno membuka pintu kepada kaum lain dan seterusnya menjadi antara pejuang Melayu yang bertangjawab jawab membenarkan bukan Melayu menyertai politik Tanah Melayu, mencetuskan dialog yang amat menarik.

Penulis politik, Dr Alias Mohamad yang meminta peserta jangan begitu kagum dengan perjuangan Onn yang pada anggapannya tidak konsisten, menerima kritikan hebat. Tapi ia menjadi titik tolak penting untuk memastikan setiap yang hadir terutama warga pejuang yang semakin dimamah usia, untuk terus hadir di seminar tiga hari anjuran Badan Perhubungan Umno Johor dan Yayasan Warisan Johor ini.

Konsep negara bangsa atau 'nation' turut menjadi perbincangan hangat. Polemik yang masa kini menjurus kepada sentimen perkauman kerana rata-rata tidak menyedari fakta sejarah, sebenarnya boleh dileraikan sekiranya lebih ramai pemimpin politik parti lain terutama Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik, boleh meluangkan masa hadir sepenuhnya dialog seperti ini.

Perjuangan Onn dan rakan-rakannya, termasuk daripada bangsa mendatang seperti Tan Cheng Lock dan pegawai penjajah seperti Roland Braddel, mengemukakan idea bagi membentuk gerakan kerjasama antara kaum untuk menangani konflik perkauman pertama di Malaya, boleh dijadikan iktibar dan wajib diketahui pemimpin politik masa kini.

Kenyataan pemimpin politik seperti Keng Yaik bahawa tidak pernah wujud kontrak sosial sungguh mengecewakan kerana pakar sejarah negara termasuk bukan Melayu dengan mudah boleh menunjukkan bukti dengan pelbagai dokumen yang selama ini hanya menjadi tatapan kumpulan akademik dan pencinta sejarah.

Mengapa polemik perkauman terus berlaku hari ini? Pada saya ia berlaku kerana sistem pendidikan hari yang lebih bertum-

pu kepada sains dan teknologi, dan membelakangkan sejarah yang patut dijadikan sandaran penting bagi memastikan setiap warga Malaysia sedar mengenai hubungan antara kaum yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang amat unik di mata dunia," kata Dr Oong.

Keadaan diparahkan dengan kegagalan dalam pelaksanaan sistem pendidikan itu sendiri. Laporan Razak (1957) kepada Laporan Rahman Talib (1960) yang kemudian diperakukan sebagai Akta Pendidikan 1961, meletak tiga dasar penting iaitu:

- Pembentukan sistem pendidikan kebangsaan
- Pengakuan matlamat akhir bahawa bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama

- Permulaan kurikulum yang berorientasikan alam persekitaran Malaysia.

Tujuan utama sistem pendidikan kebangsaan ketika itu untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai sikap toleransi, melalui penggunaan satu bahasa di semua peringkat pendidikan yang diharap akhirnya dapat menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia.

Sekiranya semua dasar ini dilaksanakan dengan baik tanpa membiarkan sistem vernakular menjalar ke tahap serius sekarang, isu perkauman yang mencengkam rakyat Malaysia hari ini hampir pasti boleh dileraikan dengan mudah.

Beberapa pemerhati berpendapat kerajaan perlu melihat semula sistem vernakular yang dibenarkan pada peringkat rendah tapi kini dibiarkan berterusan ke peringkat menengah.

Tindakan seumpama hanya akan memburukkan konsep pengasingan kaum, apabila warga bukan Melayu yang lahir di Malaysia dan hidup di kalangan bangsa sendiri, terus menjadi rakyat secara automatik tanpa sebarang pengetahuan mengenai kontrak sosial yang wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum.

"Datuk Onn dan rakan pejuangannya yang terdiri daripada pelbagai bangsa menetapkan landasan yang baik bagi hubungan antara kaum di negara ini, kini terserah kepada kita merealisasikan konsep integrasi dan toleransi kaum yang menjadi Malaysia unik di mata dunia," kata Dr Oong yang turut meminta terjemahan perkataan seperti United Nation, diperbetulkan kepada Pertubuhan Negara-negara Bersatu, bagi mengelak kekeliruan lebih buruk.